

# Asas syarikat bumiputera kena selamatkan bumiputera

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL  
utusannews@mediamulia.com.nfy

**KEPALA BATAS:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan syarikat-syarikat khususnya yang berkaitan dengan kepentingan bumiputera tidak berganjak daripada matlamat asal iaitu menyelamatkan bumiputera.

Perdana Menteri berkata, beliau mendapati terdapat beberapa syarikat terbabit meminggirkan pegangan asal dengan keutamaan untuk mencatatkan keuntungan buat syarikat masing-masing.

Oleh itu, beliau mengingatkan syarikat-syarikat tersebut tidak terus mengambil jalan mudah dengan menjual aset-aset dimiliki untuk menyelamatkan syarikat.

Kata beliau, tindakan seperti itu disebabkan kelemahan urus tadbir dan tatakelola syarikat yang lemah sehingga menyebabkan selain kelemahan pengurusan yang disifatkan tidak bijak dan tidak waras.

“Apa-apa pun yang berlaku, saya minta pengurusan yang ada sekarang sama ada di bawah PNB (Permodalan Nasional Berhad) atau Khazanah dan syarikat kerajaan Persekutuan dan negeri harus ingat bahawa pertamanya pengurusan harus sangat cekap.

“Keduanya, dalam apa jua keputusan mereka tidak boleh



**ANWAR** Ibrahim selepas merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2023 di Bertam. Kepala Batas, semalam.

mudah melepaskan pegangan dan kepentingan asal untuk menjaga dan kawal kepentingan syarikat yang berpaksikan kepentingan bumiputera.

“Kalau tidak, kita tak beralih, sampai bilapun, berpuluh-puluh tahun, balik kepada pangkal, tubuhkan syarikat, salah urus, salah tadbir, (kemudian) rugi, kerajaan kena tanggung, bantu lagi, tubuh lagi syarikat baharu, kemudian kita ikut jalur sama,” katanya.

Anwar berucap demikian ketika merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2023 di Setia Fontaines, Bertam, dekat sini semalam.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, beliau mahu agar berlaku anjakan dalam tadbir urus syarikat bumiputera dan bukan hanya pemimpin Kerajaan Pusat yang dipertanggungjawabkan semata-mata.

“Sebaliknya, ia harus bermula daripada Jemaah Menteri dan pengurusan syarikat bumiputera yang harus dipertanggungjawabkan untuk faham ada tugas asas yang harus mereka tahu, iaitu harus tahu urus dengan baik dan jaga pegangan (kepentingan bumiputera) itu supaya tidak berulang kelemahan-kelemahan lalu,” katanya.

Menyentuh mengenai pengumuman MSAM 2023, Anwar berkata, kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan mengadakan perbincangan dengan PNB supaya tanggungjawab, pencerahan dan kesedaran mengenai menabung atau penglibatan dalam saham dimulakan di peringkat lebih awal.

Menurut beliau, dengan rekod, integriti syarikat dan pengurusan baik ditunjukkan PNB, pencerahan mengenai saham dan simpanan perlu dilaksanakan bermula dengan melatih guru-guru terpilih di sekolah.